

TOLAK PUAK EKSTREM

KUALA LUMPUR 29 Jun
- Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad malam ini menyeru
umat Islam di negara ini supaya
menolak golongan yang ekstrem
dan menyeleweng daripada segi
agama. UM 30 JUN 1984

Sebaliknya, Perdana Menteri mahu umat Islam berpegang teguh kepada ajaran dan semangat Islam yang sebenar dan menjadikan ibadat puasa sebagai asas pembentukan peribadi yang insaf, bertimbang rasa dan bertoleransi.

Dalam perutusannya yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia malam ini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa orang-orang Islam tidak harus melakukan perbuatan-perbuatan yang akan memburukkan Islam dan menjauhkan orang-orang bukan Islam daripada agama suci itu;

Masyarakat Yang dipenuhi oleh orang-orang yang bertimbang rasa akan menjadi masyarakat Yang lebih bahagia, tenang dan aman.

Perdana Menteri juga telah mendedahkan bahawa di negara ini terdapat orang-orang dan kumpulan-kumpulan yang sudah menjadi angkuh dan tidak sedarkan diri kerana mereka mengangap kedudukan orang Islam di Malaysia

dan kuasa mereka adalah terjamin.

Menurut beliau, golongan ini ingin menggunakan kuasa dalam melaksanakan apa yang ditafsirkan oleh mereka sebagai ajaran dan hukum-hukum Islam.

Beliau berkata, "sebenarnya, apa yang mendorong mereka bukanlah hukum-hukum Islam tetapi tekanan nafsu dan keangkuhan mereka sendiri."

Penganut-penganut Islam, kata beliau, sepatutnya bersyukur kerana umat Islam di negara ini tidak tertindas dan tidak pula terpaksa berperang untuk memelihara hak mereka tetapi sebaliknya umat Islam memegang tampuk pemerintahan negara.

"Jika kita sedar pula bahawa kita amatlah lemah dalam berbagai bidang, maka kejayaan kita menangkis berbagai malapetaka yang mungkin menyerang kita, menjadi lebih besar ertinya," kata beliau.

Beliau bersyukur kerana walaupun masyarakat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum dan penganut berbagai agama tetapi hingga kini negara tidak menghadapi banyak masalah.

Sebaliknya, tambah beliau, di beberapa tempat di dunia, rusuhan dan pembunuhan berlaku kerana salah faham dan perbezaan pendapat, serta

sifat tidak bertimbang rasa antara kaum dan antara penganut-penganut agama yang berlainan.

Di kalangan penganut agama Islam juga, katanya, peperangan saudara, rusuhan dan pembunuhan berlaku kerana sifat toleransi dan bertimbang rasa tidak wujud.

Mengenai sambutan Hari Raya, Datuk Sri Dr.

Mahathir berkata, amalan rumah terbuka bagi sahabat dan kenalan daripada orang-orang yang bukan Islam mencerminkan sifat terbaik-baik dan persahabatan dalam Islam.

Tegasnya, "walaupun kita tidak berniat atau berharap bahawa dengan amalan itu mereka akan menerima agama Islam tetapi sedikit sebanyak mereka akan memahami asas dan falsafah Islam mengenai 'persahabatan.'" Bagaimanapun beliau

merasa dukacita kerana sekarang sudah ada orang yang berpendapat bahawa tidak ada tempat bagi orang bukan Islam dalam kehidupan orang Islam.

Oleh itu, katanya, golongan itu berpendapat orang bukan Islam tidak perlu melawat orang Islam dan orang Islam tidak perlu melawat orang bukan Islam kerana kononnya itu adalah kehendak Islam.

Menurut Perdana Menteri, Islam bukan untuk kita sahaja atau untuk orang Islam sahaja malah untuk semua umat manusia.

Katanya, umat Islam juga tidak berhak berlagak bahawa Islam adalah kepunyaan mereka sahaja dan tidak perlu membuat apa-apa supaya orang lain mendapat nikmatnya.

Beliau menasihatkan umat "Islam agar jangan mengasingkan diri dan melakukan perbuatan-perbuatan yang akan memburukkan Islam dan menjauhkan orang-orang bukan Islam daripada agama suci ini dan penganut-penganutnya. Perdana Menteri juga mengajak umat Islam berdoa semoga anggota-anggota pasukan keselamatan yang bertugas di perbatasan semasa Hari Raya sentiasa selamat dari sebarang bahaya.